

Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

ACIS



MALAYSIA MADANI

Jiwa Merdeka

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Sumbangan Kepimpinan Politik Hizbul Muslimin Terhadap **Kemerdekaan** Tanah Melayu 1957



Oleh:

Dr. Mohd Hidayat Bin Mahadi

Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam,
Pusat Pengajian Umum dan Ko Kurikulum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Malaysia telah melalui satu perjalanan yang panjang dalam usahanya mencapai kemerdekaan. Pelbagai pihak telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha perjuangan kemerdekaan Malaysia. Antara pihak yang terlibat secara tidak langsung dalam usaha ini ialah parti politik yang berhaluan kiri seperti Hizbul Muslimin. Oleh itu, dalam artikel ini akan dibahaskan secara ringkas sumbangan parti Hizbul Muslimin terhadap usaha perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu 1957.

Penjajahan British ke atas Tanah Melayu telah menghilangkan kesan dan kegemilangan bangsa Melayu. Justeru, penubuhan parti politik yang berteraskan Islam di Tanah Melayu telah membuatkan senario perjuangan menuntut kemerdekaan bangsa Melayu menjadi semakin rancak. Tuntutan kemerdekaan ini dicorakkan dengan semangat perjuangan Islam yang menentang penjajahan British. Antara parti politik yang berhaluan kiri yang lahir di era penjajahan Barat di Tanah Melayu ialah parti Hizbul Muslimin, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), dan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Pada peringkat awal di era tahun 1947-1948, sebuah majlis agama Islam yang bernama Majlis Agama Islam Tertinggi Malaya (MATA) telah dilahirkan. Seorang tokoh agama yang sangat terkenal iaitu Ustaz Abu Bakar al Baqir telah dilantik sebagai Pengerusi badan Kebajikan dan Pelajaran MATA. Beliau juga turut memainkan peranan penting dalam merangka dasar Pendidikan yang bertaraf nasional. Dalam sebuah persidangan yang berlangsung pada 15 November 1947 di Maahad Il Ihyas Syarif yang telah dihadiri oleh lebih kurang 500 orang, telah dibentuk satu badan khas yang bernama Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR). Badan khas ini dipimpin oleh Ustaz Abd. Rabb al-Tamimi. Antara matlamat LEPIR ialah menyamakan kurikulum Pendidikan semua sekolah agama rakyat di Malaya. Untuk itu, Pusat Pentadbiran Sekolah Rakyat telah dibentuk dan dikelolakan oleh Ustaz Hj Zubir Ahmad. Beliau mempunyai hubungan yang sangat baik dengan pemimpin kesatuan Melayu muda seperti Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin al Helmy. Kelahiran MATA telah menarik kepada sebuah persidangan di Maahad al Ihyas Syarif, dimana lebih kurang 2000 orang alim ulama Melayu

sama ada dari Borneo, Singapura dan Indonesia telah menyertai persidangan ini. Tidak beberapa lama kemudian, lahir pula PEPERMAS iaitu Pusat Perekonomian Melayu seMalaya, yang juga memfokus terhadap perkembangan ekonomi orang Melayu di Tanah Melayu.

Hizbul Muslimin pula wujud setelah berlangsungnya persidangan di Ihyas Syarif yang ke 2, yang mana ianya telah dihadiri sebanyak 5000 orang jemaah berbangsa Melayu. Ianya bertujuan untuk membentuk satu entiti politik, disamping memfokus kepada usaha mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu. Antara nama besar yang hadir dalam pertemuan ini ialah Dr. Burhanuddin al Helmy dan Ustaz Baharuddin Latif. Maka pada 14 Mac 1948, Hizbul Muslimin secara rasminya ditubuhkan. Nama ini telah dicadangkan oleh Syeikh Abu Bakar al Baqir, dan beliau jugalah yang mengetuai parti Islam tersebut. Selepas itu, segala gerak kerja dan lawatan ke seluruh Malaya dijalankan dengan tujuan memberi penerangan kepada umat Islam dan membentuk cawangan di merata tempat. Dalam tempoh yang singkat, parti tersebut mempunyai cawangan di Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Selangor, Melaka, Perlis, Kedah, dan Pulau Pinang. Syeikh Abu Bakar al Baqir mengatakan bahawa kemerdekaan bagi Tanah Melayu adalah seperti buah yang sudah masak. Orang putih pula hanya menunggu kejatuhannya sahaja. Tetapi mereka tidak akan menyerahkannya kepada orang agama atau parti yang beraliran agama. Oleh itu, Syeikh Abu Bakar berpandangan bahawa Tanah Melayu ini perlulah direbut supaya Malaya dapat ditadbir sebagai sebuah negara Islam yang bebas merdeka.

Bagi membendung kebangkitan politik Islam di Tanah Melayu, tindakan tegas telah diambil oleh Kerajaan British pada ketika itu. British telah memperkenalkan Akta Darurat 1948 dengan tujuan untuk membendung kebangkitan rakyat. Pengenal terhadap akta tersebut telah membenarkan tindakan British untuk menangkap seterusnya memenjarakan tokoh politik yang dilabel sebagai radikal termasuk pemimpin gerakan Islam. Kesannya, ramai di kalangan pemimpin Hizbul Muslimin telah ditangkap pada 29 Julai 1948 seperti Ustaz Abu Bakar al Baqir, Ustaz Ahmad Tamimi dan Ustaz Abd. Rauf bin Nur. Pengisytiharan Darurat pada tahun 1948 dilakukan oleh pihak British menyebabkan pergerakan golongan kiri menerima musibah yang paling dahsyat. Tindakan ini telah mengakibatkan Hizbul Muslimin membeku dan akhirnya terpaksa dibubarkan akibat daripada tindakan keras dari pihak penjajah. Keadaan bertambah buruk apabila parti Melayu lain seperti UMNO yang telah menggelar parti Hizbul

Muslimin sebagai satu pergerakan yang berbau komunis. Ini juga telah menjadi antara sebab mengapa parti ini dibubarkan.

Kesombongan British yang licik berjaya menamatkan hayat parti Hizbul Muslimin. Tetapi api perjuangan kemerdekaan dalam jiwa penduduk Melayu dan Islam terus subur menyala. Justeru, pada tahun 1951, Biro Agama UMNO yang dipimpin oleh Ustaz Ahmad Fuad Hassan telah mengusahakan kewujudan Persatuan Ulama SeMalaya (PAS) yang terus wujud sehingga ke hari ini sebagai sebuah parti politik yang aktif atas dasar perjuangan bangsa Melayu dan Islam. Maka dengan kerjasama yang erat antara UMNO dan PAS, disamping sokongan dan dorongan yang hebat dari pelbagai rentas parti dan kaum lain, akhirnya Tanah Melayu berjaya menuntut kemerdekaan dari British pada 8 Feb 1956 melalui Perjanjian London yang telah ditandatangani. Pada 20 Feb 1956, rombongan menuntut kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah tiba di

Melaka seterusnya beliau turut mengumumkan bahawa Tanah Melayu telah berjaya memperolehi kemerdekaan daripada pihak British. Akhirnya tarikh keramat 31 Ogos 1957 telah dipilih sebagai hari yang paling bersejarah bagi Tanah Melayu iaitu hari di mana Tanah Melayu dimasyhurkan sebagai sebuah negara yang merdeka. Semoga Malaysia terus merdeka, gemilang, dan terbilang Dirgahayu Malaysia ku.

RUJUKAN

- Ishak Saat. 2016. *Warisan kepimpinan dan ketuanan Melayu*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Shariff Ahmad. 1991. *Tunku Abdul Rahman: Memoir Patriotik*. Kuala Lumpur: Pustaka Ankara.
- Abdul Rahman Abdullah. 1994. *Gerakan anti penjajah di Malaysia 1511-1950. Pengaruh agama dan tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan.